

Akaun 360-i OCBC Terma dan Syarat

Dilindungi oleh PIDM setakat RM250,000 bagi setiap pendeposit

1. Akaun 360-i

- 1.1. OCBC Al-Amin Bank Berhad No. Syarikat 200801017151 (818444-T) ("OCBC Al-Amin") menawarkan "Akaun 360-i OCBC", akaun simpanan yang memberi ganjaran kepada Pelanggan yang Layak (ditakrifkan di bawah) apabila mereka memenuhi syarat-syarat yang dinyatakan di bawah, tertakluk kepada terma dan syarat di dalam ini.
- 1.2. Akaun ini menggunakan prinsip Syariah Tawarruq dan akan tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat untuk Akaun Simpanan Tawarruq seperti yang dinyatakan dalam terma dan syarat utama OCBC Al-Amin, melainkan telah dinyatakan di sini.

2. Kelayakan

- 2.1. Individu yang layak dirujuk sebagai "Pelanggan Berkelayakan"
- 2.2. Akaun 360-i OCBC terbuka kepada individu yang berumur 18 tahun ke atas, dengan syarat:
 - (a) Individu yang berumur 18 tahun ke atas, permastautin Malaysia, permastautin tetap dan bukan pemastautin kecuali daripada negara-negara yang tidak diterima oleh OCBC Al-Amin; dan
 - (b) Individu yang berada dalam keadaan yang baik terhadap operasi akaun-akaun mereka mengikut budi bicara mutlak OCBC Bank.

3. Ciri-ciri dan Kondisi

3.1	Deposit Permulaan Minimum	Deposit permulaan minimum bagi Akaun 360-i OCBC adalah RM500. Baki minimum untuk mengekalkan akaun adalah RM20. Akaun yang tidak berbaki secara berterusan untuk 90 hari akan ditutup. Pihak OCBC Al-Amin akan memaklumkan kepada anda melalui SMS atau apa-apa cara lain yang dikira sesuai sebelum akaun ditutup. Pengaktifan semula akaun yang telah ditutup adalah atas budi bicara mutlak pihak OCBC Al-Amin.
3.2	Keuntungan Asas	<p>Anda akan mendapat keuntungan berdasarkan keseluruhan baki akaun pada kadar keuntungan semasa ("Kadar Keuntungan") yang diakru secara harian dan dikreditkan ke dalam Akaun 360-i OCBC pada akhir bulan ("Keuntungan Asas"), dibundarkan kepada 2 titik perpuluhan.</p> <p>Kadar Keuntungan yang dibayar adalah berdasarkan kaedah pengiraan di bawah:</p> $\text{Keuntungan Asas} = \text{Baki Purata Harian} \times \text{Kadar Keuntungan Asas}^1 \times \frac{1}{365}$ <p>Kadar Keuntungan Maksimum (seperti yang dedefinisikan di dalam terma dan syarat untuk Akaun Simpanan Tawarruq di terma dan syarat utama OCBC Al-Amin) bagi urusniaga Tawarruq di bawah Akaun 360-i OCBC adalah Kadar Lazim.</p> <p>¹Kadar terkini boleh didapati di laman web OCBC Malaysia. Keuntungan yang dibayar adalah mengikut kadar yang ditentukan oleh OCBC Al-Amin. Sebarang perubahan kepada kadar keuntungan yang diumumkan melalui notis cawangan, laman web OCBC Bank Al-Amin atau di media massa adalah mengikut hak budi bicara OCBC Bank.</p>
3.3	Keuntungan Bonus	<p>Pada Hari Dagangan pertama pada bulan kalendar, Keuntungan diperoleh daripada formula di bawah terma dan syarat untuk Akaun Simpanan Tawarruq di dalam terma dan syarat utama OCBC Al-Amin akan termasuk amaun ("Jumlah Keuntungan Bonus Maksimum") yang diperoleh daripada formula berikut, dipenggal kepada dua titik perpuluhan:</p> $\text{Keuntungan Bonus Maksimum} = \text{Baki Purata Maksimum} \times \text{Kadar Keuntungan Bonus Maksimum}^2 \times \frac{\text{Bilangan hari dalam sebulan}}{\text{Bilangan hari dalam setahun}}$ <p>Walau apa pun terma dan syarat bagi Akaun Simpanan Tawarruq di terma dan syarat utama OCBC Al-Amin, Amaun Keuntungan Bonus Maksimum akan ditangguhkan dan akan di bayar di dalam jangkamasa 14 hari bekerja (pada mana-mana hari yang mana OCBC Al-Amin dibuka untuk perniagaan, tidak termasuk Sabtu, Ahad dan cuti umum) daripada Hari Dagangan terakhir bulan kalendar sekiranya Akaun 360-i OCBC tidak ditutup pada masa pembayaran Amaun Keuntungan Bonus Maksimum.</p> <p>Peruntukan baki Keuntungan Tertunda agregat di bawah terma dan syarat untuk Akaun Simpanan Tawarruq di terma dan syarat utama OCBC Al-Amin digunapakai tetapi dikecualikan bagi Amaun Keuntungan Bonus Maksimum.</p> <p>Pada hari ("Hari Keuntungan Bonus") pembayaran Jumlah Keuntungan Bonus Maksimum:</p> <ol style="list-style-type: none"> a) Sekiranya Pelanggan Berkelayakan telah menutup Akaun 360-i OCBC sebelum Hari Keuntungan Bonus, Pelanggan Berkelayakan akan memberikan rebat (Ibra') kepada Bank untuk keseluruhan Jumlah Keuntungan Bonus Maksimum, yang kemudiannya tidak perlu dibayar oleh Bank kepada Pelanggan Berkelayakan. b) Melainkan fasal 3.14(a) diaplikasi, Pelanggan Berkelayakan akan memberikan rebat (Ibra') kepada Bank untuk Amaun Keuntungan Bonus Maksimum seperti berikut: <p style="text-align: center;">Rebat (Ibra') = Jumlah Keuntungan Bonus Maksimum – Jumlah Keuntungan Bonus Sebenar</p>

		<p>Di mana,</p> <p>Jumlah Keuntungan Bonus Sebenar adalah Keuntungan Bonus yang diperoleh atas baki purata harian akaun sehingga RM100,000 ("Baki Purata Maksimum") di dalam Akaun 360-i OCBC untuk bulan kalendar tersebut oleh anda apabila anda memenuhi syarat bagi kategori "Deposit", "Pembayaran" dan/atau "Perbelanjaan" dalam bulan kalendar tersebut.</p> <p>Dengan pemberian rebat (Ibra') pada Hari Keuntungan Bonus, Bank akan membayar Jumlah Keuntungan Bonus Maksimum ditolak rebat (Ibra').</p> <p><i>²"Kadar Keuntungan Bonus Maksimum" diperoleh dengan menambah kesemua kadar keuntungan bonus di dalam kategori yang anda berkecualan di bawah Klausula 4, di bawah. Kadar keuntungan bonus terkini bagi setiap kategori boleh didapati di laman web OCBC Bank.</i></p>
--	--	---

4. Kelayakan untuk Keuntungan Bonus

4.1. Anda akan layak mendapat Keuntungan Bonus sekiranya anda memenuhi kelayakan untuk kategori "Deposit", "Pembayaran" dan/atau "Perbelanjaan" dalam tempoh satu bulan kalendar.

4.2. Bonus Keuntungan Deposit

Sekurangnya RM500 harus didepositkan ke dalam Akaun 360-i OCBC dalam bulan kalendar untuk layak untuk Bonus Keuntungan Deposit. Tetapi, Keuntungan Lazim dan Keuntungan Bonus yang dikreditkan ke dalam Akaun 360-i OCBC anda tidak layak untuk Bonus Keuntungan Deposit.

4.3. Bonus Keuntungan Pembayaran

Sekurangnya 3 bil pembayaran harus dibuat daripada Akaun 360-i OCBC anda dalam bulan kalendar untuk layak untuk Bonus Keuntungan Pembayaran. Ini termasuk pembayaran melalui arahan tetap kepada kemudahan pembiayaan perumahan OCBC Al-Amin dan/atau pembayaran runcit melalui Perbankan Internet OCBC kepada:

- Kemudahan pembiayaan perumahan OCBC Al-Amin anda; atau
- Sebarang akaun di mana-mana institusi perbankan/kewangan selain daripada OCBC Bank (No. syarikat 199401009721 / 295400-W) dan OCBC Al-Amin; atau
- Sebarang organisasi pembilan yang mengambil bahagian; atau
- Pembiayaan melalui GIRO antara bank/DuitNow yang dibuat melalui Perbankan Internet OCBC, tetapi tidak termasuk sebarang pembayaran melalui platform Bursa Pemprosesan Kewangan (FPX) / DuitNow QR.

Beberapa pembayaran dalam bulan kalendar yang sama yang mempunyai rujukan pedagang/penerima/akaun/organisasi pengebilan yang sama akan dianggap sebagai satu Pembayaran Bil. Sebagai contoh:

- Beberapa pembayaran ke akaun pembiayaan fasiliti perumahan yang sama; atau
- Beberapa pembayaran ke Organisasi pembilan yang mengambil bahagian yang sama, kecuali setiap pembayaran itu dikenalpasti secara unik dan dibayar ke beberapa akaun berlainan; atau
- Beberapa pembayaran ke akaun yang sama di bank/institusi kewangan yang lain

4.4. Bonus Keuntungan Perbelanjaan

Sekurangnya sejumlah RM500 transaksi runcit dicaj dan diposkan kepada kad debit-i OCBC Al-Amin anda. **Semua transaksi runcit mesti dipos dalam bulan kalendar yang sama untuk diagregat untuk pengiraan.** Sebarang transaksi runcit yang tidak dipos dalam bulan yang sama tidak akan diambil kira (contoh, sekiranya transaksi tersebut dibuat pada 29 Oktober tetapi tarikh transaksi runcit tersebut dipos adalah pada 2 November, transaksi tersebut akan diagregat untuk bulan November dan bukan Oktober). OCBC Al-Amin tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kegagalan atau kelewatan di dalam transmisi atau pengeposan sebarang transaksi runcit kecuali jika kegagalan atau kelewatan tersebut disebabkan secara langsung oleh kecaian atau keingkaran Bank.

Amaun yang dicaj kepada kad debit-i OCBC Al-Amin yang tidak termasuk dalam pengiraan transaksi runcit untuk Bonus Keuntungan Perbelanjaan ini adalah seperti berikut:

- Yuran dan caj kad debit-i (contohnya yuran tahunan, yuran penggantian, dll);
- Amaun transaksi runcit yang kemudiannya dibatalkan, dimansuhkan atau diterbalikkan pada bila-bila masa dan bagi apa sekalipun alasan; dan

Sebagai ilustrasi:

Jun 2019 – Anda berbelanja RM600 menggunakan kad debit-i untuk pembelian online dan layak untuk Bonus Perbelanjaan Jun.

Julai 2019 – Anda berbelanja RM700 menggunakan kad debit-i untuk perbelanjaan perjalanan. Tetapi, transaksi pembelian online yang dibuat dalam bulan Jun 2019 berjumlah RM600 telah diterbalikkan dalam bulan Julai 2019. Perbelanjaan bersih bagi bulan Julai adalah RM100. Dengan ini, anda tidak layak untuk Bonus Perbelanjaan bulan Julai.

- Lain-lain amaun yang dimaklumkan oleh OCBC Al-Amin dari semasa ke semasa

Kad Debit-i

Akaun 360-i OCBC harus ditag sebagai akaun wang tunai cepat bagi kad debit-i (kad debit-i yang disambungkan dengan Akaun 360-i OCBC). Semua jumlah transaksi runcit yang dicaj kepada kad debit-i yang disambungkan kepada Akaun 360-i dengan tarikh pos dalam bulan kalendar yang sama akan diagregat untuk keuntungan bonus bulan tersebut. Tarikh transaksi dipos adalah berdasarkan tarikh pos dalam Sistem Kad OCBC dan dianggap muktamad. Sekiranya tarikh pos transaksi kad debit-i di dalam kenyataan akaun adalah lebih lewat daripada tarikh pos transaksi di dalam Sistem Kad OCBC, tarikh pos dalam Sistem Kad OCBC akan menjadi titik rujukan dan bukannya tarikh pos dalam kenyataan akaun dalam menentukan jumlah transaksi yang akan diagregat dalam pengiraan Keuntungan Bonus Perbelanjaan.

5. Terma dan Syarat Tambahan

- 5.1. Bagi mana-mana transaksi atau pembayaran yang kemudiannya dibatalkan atau dimansuhkan dalam bulan kalendar yang sama, pelarasan yang bersesuaian akan dilakukan. Sekiranya pelarasan tidak dilakukan, OCBC Al-Amin berhak untuk mendebit semula (claw back) jumlah Keuntungan Bonus yang telah dikreditkan sebelum ini.
- 5.2. Apa-apa arahan yang diberikan atau diterima oleh Bank melalui perkhidmatan elektronik seperti perbankan internet, perbankan mudah alih dan mesin teler automatik selepas tempoh masa yang berkaitan akan dianggap sebagai arahan yang diberikan dan diterima pada Hari Perniagaan yang berikutnya.
- 5.3. Kadar Lazim dan Keuntungan Bonus boleh berubah dari semasa ke semasa dan Pelanggan Berkelayakan boleh melayari laman web OCBC Al-Amin untuk mendapatkan kadar terkini.
- 5.4. Sekiranya, untuk sebarang sebab, anda mempunyai lebih daripada satu Akaun 360-i OCBC yang layak untuk Keuntungan Bonus, hanya SATU akaun akan dibayar Faedah Bonus mengikut a) amaun Keuntungan Bonus tertinggi; atau b) akaun dengan nombor akaun yang terbesar apabila Keuntungan Bonus bagi beberapa Akaun 360-i OCBC adalah sama. Sementara itu, Akaun 360-i OCBC yang lain hanya akan memperoleh Keuntungan Asas dan bukan Keuntungan Bonus.

6. Syarat-syarat Am Lain

- 6.1 Semua terma dan syarat sedia ada yang digunakan untuk produk dan perkhidmatan OCBC Al-Amin yang dirujuk di dalam terma dan syarat ini, termasuk dan tidak terhad kepada terma dan syarat yang digunakan untuk akaun deposit OCBC Al-Amin, kad debit-i OCBC Al-Amin, Perbankan Online dan Perbankan Internet OCBC Bank, dsb. akan terus digunakan. Sekiranya terdapat percanggahan, terma dan syarat ini akan digunakan hanya sejauh mana ia mentadbir hak dan obligasi Pelanggan yang Layak di bawah Akaun 360-i OCBC.
- 6.2 OCBC Al-Amin boleh, secara munasabah, selepas memberi notis 21 hari kalendar, mengubah suai terma dan syarat ini dengan menambah, membuang, menarik balik, menggantung, menamatkan atau mengubah mana-mana terma dan syarat dan manfaat. Pihak Bank, secara munasabah dan selepas memberi notice dahuluan boleh mengubah Kadar Keuntungan Asas dan Kadar Keuntungan Bonus. Apa-apa modifikasi atau perubahan boleh dimaklumkan kepada anda dengan memaparkan notis umum di mana-mana cawangan Bank atau laman web atau media massa dan notis itu akan berkuat kuasa dari tarikh yang dinyatakan dalam notis tersebut.
- 6.3 Sekiranya terdapat apa-apa perubahan dalam pengawalseliaan dan/atau polisi kewangan oleh Bank Negara, Persatuan Perbankan Islam dan Institusi-Institusi Kewangan Malaysia, dan mana-mana badan pentadbiran yang berkaitan, kadar keuntungan akan disemak semula sewajarnya and kadar yang disemak semula ini akan berkuat kuasa pada tarikh yang tertera dalam notis/pengumuman. Pemberitahuan perubahan ini akan dibuat melalui pengumuman yang dipaparkan di cawangan atau di laman web Bank atau mana-mana cara yang dianggap sesuai oleh Bank.
- 6.4 Rekod dan keputusan OCBC Al-Amin, tertakluk kepada ketiadaan kesalahan nyata berkenaan sebarang perkara berkaitan dengan Akaun 360-i OCBC adalah muktamad, konklusif dan mengikat ke atas semua pihak termasuk anda.